

Headline **Masyarakat Orang Asli didedah kendali program**
Date **25 Dec 2009**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Selangor & KL**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **S5**
Article Size **557 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **3,064**
PRValue **9,191**



Masyarakat Orang Asli didedah kendali program

BUKIT KALA – Masyarakat Orang Asli di sekitar Bukit Kala diberi peluang untuk menganjurkan satu program sebagai pendekatan masyarakat terbabit untuk berdikari serta memberikan pengalaman terbaik untuk diri mereka.

Program yang dianjurkan oleh Kelab Prostar Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) Malaysia, dengan kerjasama Bahagian Kesihatan dan Perubatan JHEOA Malaysia, Jabatan Kesihatan Gombak serta Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Daerah Gombak ini dikenali sebagai Kempen Gaya Hidup Sihat.

Pengerusi program, Harun Hamid berkata, selain pendedahan kepada masyarakat Orang Asli terutamanya remaja terhadap penganjuran program, ia juga sebagai pendidikan kepada masyarakat untuk mengamalkan gaya hidup yang lebih sihat.

Menurutnya, beberapa pendekatan telah diambil seperti memberitahu dan menunjuk ajar kepada mereka, apa yang patut dilakukan dan juga apa yang patut ditinggalkan untuk mengelakkan berlakunya masalah kesihatan.

"Perkara penting yang ditekan semasa program ialah seperti bahaya merokok, mengambil minuman keras, bahaya penyalahgunaan dadah, kesan dan akibat penyakit kelamin dan juga bahaya serta punca jangkitan HIV dan AIDS.

"Sekarang ini, masyarakat Orang Asli mahukan perubahan dalam diri mereka tetapi kurang mengetahui cara yang betul untuk melakukan perubahan terbabit," katanya.

Turut hadir dalam program ialah, Pengarah Bahagian Kesihatan dan Perubatan JHEOA, Dr Sa'iah Abdullah.

Menurut Harun, jika pendeda-

han ini dilakukan oleh masyarakat luar seperti yang bukan daripada golongan mereka, ada kalanya mereka kurang faham dan malu untuk bertanya dengan lebih lanjut jika terdapat sesuatu permasalahan seperti masalah kesihatan.

Katanya, dengan melibatkan dan menggalakkan mereka menganjurkan program seperti ini, ia akan menarik lebih ramai lagi masyarakat Orang Asli membuang rasa malu dan rendah diri yang ada dalam diri mereka.

"Ia juga sebagai contoh kepada Orang Asli yang lain di mana mereka sepatutnya perlu berubah mengikut peredaran zaman dan tidak terus ketinggalan dengan mengamalkan cara hidup mereka yang lama.

"Dan ianya juga untuk mendedahkan mereka juga perlu menonjolkan diri dan janganlah mendiamkan diri sahaja," katanya.

Harun juga menyatakan, apa yang menarik dalam program ini, pengisiannya dikendalikan oleh masyarakat Orang Asli itu sendiri dengan bimbingan Kelab Prostar JHEOA serta AADK Daerah Gombak.

Katanya, program ini dikendalikan sepenuhnya oleh mereka dan pihak kami dan AADK hanya mengawasinya sahaja.

"Kami tidak menyangka ada kalangan masyarakat ini sebenarnya berkebolehan sama seperti masyarakat yang lain," katanya.

Habib Ubaidullah Zainal, 22, berkata sebagai masyarakat Orang Asli, beliau akan berusaha mengubah cara hidup masyarakatnya daripada terus ketinggalan dan belajar apa sahaja untuk memajukannya.

Menurutnya, program seperti ini dapat memberikan pengetahuan terutamanya masalah jika tidak menjaga kesihatan yang baik.

"Dalam program Kempen Gaya Hidup Sihat ini, saya sebagai ahli Kelab Prostar ada pengetahuan serba sedikit berkaitan dengan masalah kesihatan dan saya akan menyampaikannya kepada semua ahli keluarga serta sesiapa yang bergelar Orang Asli, untuk mengamalkan gaya hidup yang lebih baik.

"Saya tidak mahu, golongan belia mengamalkan gaya hidup yang kurang elok seperti merokok, meminum arak dan semua perkara yang lebih mendatangkan keburukan daripada kebaikan," katanya.

Sementara itu, Fiona a/k Mokhtar, 16, berkata, dengan menyertai program seperti ini, beliau dapat mengetahui dunia luar yang sebenar dan tidak mahu ketinggalan dengan keadaan negara yang serba moden ini.

Katanya, jika tidak ada pendedahan program seperti ini, beliau tidak mengetahui secara sahik akan kepentingan menjaga kesihatan serta perkara yang tidak elok dilakukan.

"Selama ini, semua perkara terbabit hanya disampaikan dari mulut ke mulut sahaja tanpa mengetahui kebenarannya.

"Saya berharap agar program seperti ini akan diteruskan lagi dan ia merupakan satu pendedahan yang menarik dan cukup bermakna buat kami," katanya.



● Kanak-kanak Orang Asli sedang menyusun jigsaw Poster Gaya Hidup Sihat.

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
Circ / Read

Masyarakat Orang Asli didedah kendali program
25 Dec 2009
Sinar Harian
Selangor & KL
N/A
Daily
60,000 /

Language
Page No
Article Size
Color
ADValue
PRValue

Malay
S5
557 cm²
Full Color
3,064
9,191



● Sebahagian kakitangan JHEOA dan anak Orang Asli yang menjayakan program.



● Sebahagian peserta yang menyertai pertandingan 'Dam Ular Gergasi' yang merupakan cetusan idea anak Orang Asli.